

03 AUG 2002

Kadir-Cuti

TIADA PERMOHONAN JADIKAN SETIAP SABTU CUTI UMUM

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak berhasrat memohon kepada kerajaan untuk menjadikan setiap Sabtu sebagai cuti umum bagi kakitangan awam dalam usaha menggalakkan industri pelancongan tempatan.

Menterinya Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, persoalan menjadikan setiap Sabtu sebagai cuti umum tidak pernah berbangkit dan kajian mengenainya perlu diputuskan oleh kerajaan.

"Kalau ikutkan kementerian, kita memang mahu kerja lima hari seminggu dan dua hari cuti tetapi ada pihak lain mempunyai pandangan mereka pula," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau yang ditemui selepas melancarkan motosikal buatan Itali jenis Ducati di sini hari ini diminta mengulas mengenai kemungkinan kerajaan akan menjadikan setiap Sabtu sebagai cuti umum.

Mac lepas Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen ketika menggulung perbahasan di Parlimen berkata, kementerian itu akan menjalankan kajian sama ada wajar setiap Sabtu dijadikan cuti umum bagi kakitangan sektor awam dalam usaha menggalakkan aktiviti pelancongan tempatan.

Ng berkata, cuti umum bagi setiap Sabtu boleh dilaksanakan sekiranya terbukti mampu merancakkan lagi sektor industri pelancongan negara.

Pada masa ini kakitangan perkhidmatan awam menikmati cuti pada hari Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan.

Abdul Kadir berkata, semua pihak bagaimanapun perlu mengambil kira pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan rakyat bekerja lebih gigih.

"Lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang meleset dan masih belum memuaskan, maka semua orang kena kerja lebih kuat, jadi buat sementara waktu tiada keputusan lagi," katanya.

-- BERNAMA

RZS HS ZB